

## Ulasan Buku/*Book Review*

*ISLAMIC REVIVALISM IN MALAYSIA* oleh Zainah Anwar.

Kuala Lumpur: Pelanduk Publications. M\$9.90.

Tamadun politik dunia Melayu merupakan suatu himpunan sandiwara hidup yang penuh dengan babak-babak berunsur agama. Pada zaman pra-kolonial animisme, Buddhisme, Hinduisme dan Islam telah muncul di pentas sejarah satu demi satu mewarnakan drama politik dan suasana kehidupan manusia di alam Melayu. Sekali-sekala pergelutan antara yang baru datang dan yang telah lama bertapak tercetus lalu merebak dan mengeruhkan suasana politik kerana politik dan agama tergumpal satu dalam percaturan hidup serta peradaban ketika itu.

Pada zaman kolonial pula, agama khususnya Islam, telah menjadi landasan kepada benteng terakhir manusia di seluruh Kepulauan Melayu dalam menghadapi dominasi Portugis, Belanda, Sepanyol, Perancis, Inggeris dan Amerika Syarikat. Secara halus dan terbuka protes anti-kolonial telah disuarakan melalui idiom Islam. Misalnya, sebahagian daripada pergerakan nasionalisme Melayu di Semenanjung Tanah Melayu telah dinadikan oleh golongan Islam.

Apabila keganasan kelompok komunis merobek kesabaran orang Melayu setelah Jepun tewas, Islam tampil kemuka sekali lagi mengembalikan maruah Melayu. Belumpun kering darah mereka yang terkorban akibat kebuasan komunis tersebut, muncul pula ancaman politik yang lebih keras terhadap bangsa Melayu dalam bentuk Malayan Union.

Biarpun reaksi kepada Malayan Union ini berbagai namun salah satu daripada golongan yang terkuat menentangnya adalah golongan Islam. Penjelmaan penentang ini dikukuhkan dengan penubuhan parti Islam pertama di Semenanjung Tanah Melayu, Hizbul Muslimin, pada 1948 dan Persatuan Islam Sa-Malaya, atau PAS, pada 1951. Islam sekali lagi secara terbuka, muncul menujukan kepentingan Melayu.

Tetapi dalam arena politik kepartian, PAS telah mengukir abadi tempatnya dalam sejarah politik pos-kolonial Malaysia. Biarpun yang diutamakan oleh PAS ketika itu adalah kedudukan sosial yang lebih baik untuk orang Melayu namun parti ini telah dinafaskan oleh unsur agama yang kuat. Parti ini pernah dianggap sebagai parti yang memperjuangkan kepentingan golongan kaum tani yang menduduki kelas bawahan desa kerana kejayaannya memerintah Kelantan untuk kira-kira satu dekad atas sokongan golongan berkenaan.

Apabila PAS memasuki Barisan Nasional pada awal 1970-an hilanglah lidah penyambung rakyat terbanyak kerana selama ini PASlah merupakan pembangkang yang paling berbisa dan disegani pemerintah. Bukanlah satu kebetulan pada ketika yang sama 'gerakan dakwah' telah muncul seolah-olah mengambil alih peranan PAS.

'Gerakan dakwah' ini pula bukan monolitik sifatnya. Terkandung di dalamnya beberapa kumpulan yang masing-masing mempunyai falsafah dan rangka kegiatan yang tersendiri namun terangkum di bawah payung 'dakwah'. Sebahagian besar yang terlibat dalam gerakan ini terdiri daripada para siswa-siswi di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan dan luar negeri. Di kalangan mereka ini pula terdapat pecahan-pecahan kecil lagi. 'Gerakan dakwah' ini telah diungkapkan sebagai *Islamic revivalists, resurgent, fundamentalist* oleh para penganalisa sains sosial dan para penyelidik daripada bidang pengajian Islam sendiri. Keseluruhan proses 'pendakwahan' ini dipanggil sebagai *Islamic revivalism* atau 'kebangkitan semula Islam'. Jika kita teliti fakta sejarah kita akan dapati bahawa fenomena ini sebenarnya bukan merupakan suatu kebangkitan semula.

Islam untuk berabad, semenjak zaman pra-kolonial lagi, telah berulang kali memainkan peranan utama sebagai platform menyuarakan penentangan terhadap *status quo*. Ini telah disusur galur secara ringkas sebentar tadi. Maka apa yang kita saksikan pada awal 1970-an, yakni kemunculan 'gerakan dakwah', bukanlah suatu 'kebangkitan semula Islam'. Yang kita lihat adalah penyuaraan rasa tidak puas hati sekumpulan manusia Islam terhadap pemerintah setelah ketiadaan PAS.

Banyak sekali tulisan telah dihasilkan mengenai 'gerakan dakwah' ini. Sayangnya, tidak ada satupun daripadanya yang telah meneliti secara terperinci peranan dan kedinamisan sumbangan para siswa-siswi kita dalam mengasaskan 'gerakan dakwah' yang bersejarah tersebut.

Tulisan-tulisan Judith Nagata, *The Reflowering of Malaysian Islam* (UBC 1987), yang sarat dengan kesalahan faktual; Chandra Muzaffar, *Islamic Resurgence in Malaysia* (Fajar Bakti 1987); dan Muhammad Abu Bakar, *Penghayatan Sebuah Ideal* (DBP 1987) cuma memberi tumpuan seimbas lalu terhadap peranan dan sumbangan para siswa-siswi kita. Pengabaian ini sungguh mengecewakan. Ramai mengharapkan Muhammad Abu Bakar yang pernah menulis mengenai kegiatan politik siswi-siswi pada awal 1970-an dalam buku terpentingnya, *Mahasiswa Menggugat* (Pustaka Antara 1973), mengisi pengabaian ini. Harapan ini tinggal harapan sahaja.

Dalam konteks inilah tulisan dan sumbangan Zainah Anwar, *Islamic Revivalism in Malaysia* (Pelandok 1987) sangat dialu-alukan. Dengan pengungkapan yang bersahaja tetapi penuh bermakna tanpa dibebani *jargon* dan *cliche* beliau telah mengupas satu demi satu asal-mula dakwah para siswa-siswi di dalam dan luar negeri (Bab 1), pecahan-pecahan dalam kegiatan tersebut dan puncanya (Bab 1 dan 2), falsafah yang mendasari kegiatan setiap kumpulan berkenaan (Bab 2 dan 3) dan proses yang membawa kepada tersebarnya kegiatan dan pengaruh kumpulan-kumpulan tersebut ke seluruh lapisan masyarakat Malaysia (Bab 3, 4 dan 5).

Melalui Bab 4. "Becoming a Dakwah: How and Why", Zainah Anwar membawa pembacanya ke suatu perjalanan yang membuka mata, menemui dan menyelam benak 'orang dakwah'. Persis kepekaan seorang antropologis dan kelembutan seorang novelis pembaca diajak bertukar-ucap dan merasakan pengalaman beberapa siwa-siswi yang selama ini kita hanya kenal dari jauh berminni telelung, berpurdah dan berjubah. Kekuatan daya *etnografis* dan *analitis* Zainah Anwar menonjol jelas dalam bab ini. Penyampaiannya penuh dengan empati.

Dalam rumusannya beliau telah menyarankan bahawa kekuatan 'gerakan dakwah' bukan terletak pada potensinya sebagai alternatif politik tetapi pada kemampuannya mempengaruhi serta mengubah gaya hidup dan sistem nilai orang Islam di Malaysia. Kebolehan gerakan ini menidakkan keabsahan agama yang diinginkan sangat oleh pemerintah sungguh mencabar (hlm. 94-95). Pengamatan Zainah ini merupakan pengamatan sosiologikal yang bernalas.

Maka dengan terbitnya buku Zainah Anwar ini berakhirlah sudah suatu pengabaian dalam pengajian mengenai 'gerakan dakwah' di Malaysia. Cocok sekali sumbangan ini datangnya daripada seorang sarjana Malaysia yang sendirinya telah mengharungi pelbagai cabaran, sebelum dan semasa kajilidikan untuk menghasilkan buku ini yang asalnya berbentuk sebuah disertasi sarjana.

Shamsul Amri Baharuddin  
Jabatan Antropologi & Sosiologi  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor D.E., MALAYSIA.